

11 APR, 2021

## FAMA bantu pasarkan produk tempatan

Mingguan Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

# FAMA bantu pasarkan produk tempatan

**PETANI** di negeri ini tidak perlu bimbang memikirkan platform serta akses terbaik untuk memasarkan hasil tani masing-masing.

Ini kerana para petani tersebut hanya perlu menghubungi cawangan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) yang terdekat jika mereka mahu berbuat demikian.

"FAMA mempunyai sumber untuk membantu mereka memasar hasil tani seperti mengadakan aktiviti Pasar Tani dan Program My Rakyat di lokasi terpilih dalam negeri ini.

"Selain menyediakan sumber ini pihak kami juga turut pergi ke ladang-ladang petani untuk mengambil dan membantu memasar hasil tani mereka seperti yang diarah oleh kementerian," kata Penolong Pengarah FAMA Sarawak, Lois Ungah.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita pada Majlis Pelancaran Program My Rakyat anjuran FAMA bertempat di Riveria Sport Centre di Debak pagi semalam.

FAMA kata beliau juga masih terus mengendalikan operasi Pasar Tani walaupun sepanjang tempoh penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

"Namun begitu operasi Pasar Tani berkenaan bergantung sepenuhnya kepada situ-

asi semasa penularan pandemik Covid-19 dan arahan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) Sarawak," katanya.

Lois turut menambah bahawa tiada masalah lambakan hasil tani dilaporkan berlaku dalam negeri ini buat masa sekarang hasil campur tangan FAMA.

Terdahulu FAMA buat julung kalinya telah mengadakan Program My Rakyat bertempat di Riveria Sport Centre di sini bermula semalam (10 April 2021) hingga hari ini (11 April 2021).

Sejumlah 35 lot jualan hasil tani dan lain-lain produk dibuka di situ dengan FAMA akan kembali mengadakan program tersebut di Riveria Sport Centre berkenaan bermula dari 1 hingga 2 Mei ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Saribas, Mohammad Razi Sitam telah pun diberi penghormatan melancarkan program berkenaan pada 9.00 pagi semalam.

FAMA telah pun menyasarkan kehadiran sejumlah 3,000 pengunjung bagi pengajuran selama dua hari Program My Rakyat tersebut di Riveria Sport Centre berkenaan. Menerusi program ini orang ramai boleh membeli produk-produk terpilih diberi diskaun harga oleh para peniaganya antara lima hingga 20 peratus.



**UNTUK MU...** Lois Ungah menyampaikan cenderamata kepada Mohammad Razi Sitam pada Majlis Pelancaran Program My Rakyat di Riveria Sport Centre, Debak pagi semalam.



11 APR, 2021

## FAMA bantu pasarkan produk tempatan

---

Mingguan Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

PETANI di negeri ini tidak perlu bimbang memikirkan platform serta akses terbaik untuk memasarkan hasil tani masing-masing. Ini kerana para petani tersebut hanya perlu menghubungi cawangan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) yang terdekat jika mereka mahu berbuat demikian. "FAMA mempunyai sumber untuk membantu mereka memasar hasil tani seperti mengadakan aktiviti Pasar Tani dan Program My Rakyat di lokasi terpilih dalam negeri ini.